

Iklan buta teknologi menang anugerah UMT

KOSMO 20/03/08 pg. 14

KUALA TERENGGANU - Konsep iklan mengenai Orang Asli buta teknologi nyata memberi hasil kepada lima pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pengurusan dan Pemasaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini.

Iklan yang dihasilkan itu melayakkan mereka menerima Anugerah Khas bagi Penyampaian Iklan Multimedia Terbaik Keseluruhan, Jabatan Pemasaran dan Jabatan Ekonomi (Maid) UMT, kelmarin.

Anugerah disampaikan Timbalan Dekan Maid, Dr. Mohamad Saladin Muda.

Pelajar terbabit ialah N.S. Thiru Murugan (ketua pasukan), R. Subamalar, Phyllis Yuen Hor Yeng, Nurinahwati Tamin dan S. Subashini.

Menurut Thiru Murugan, mereka mengambil masa sebulan untuk menyiapkan iklan Nokia tersebut di mana penggambarannya dibuat di Gong Badak dan UMT.

"Pakaian dan solekan Orang Asli kami buat sendiri selepas melihat gambar di internet," katanya.

Menurutnya, beliau berterima kasih dengan sokongan ahli-ahli kumpulannya serta rakan-rakan



(DARI kiri) Nurinahwati, Hor Yeng, Subamalar, Thiru Murugan dan Subashini (paling kanan) bergambar bersama Dr. Mohamad Saladin di Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu semalam.

lain yang banyak membantu sepanjang tempoh sebulan menyiapkan iklan tersebut.

Sementara itu, Pengarah program, Muhammad Shukri Abdul Aziz memberitahu, anugerah ter-

sebut merupakan sebahagian daripada kerja kursus tahun akhir subjek Komunikasi Pemasaran (Jabatan Pemasaran) dan Ekonomi Industri (Jabatan Ekonomi).

Menurutnya, selain anugerah utama itu, anugerah lain ialah untuk dokumentari terbaik, pembungkusan, akhbar dan iklan multimedia terbaik serta iklan multimedia terbaik.